

Berhati-hatilah Dengan Kata-kata Yang Manis Yang Terbikin Untuk memikat Dasar Hukum Syarak Menjauhkan Mudarat Lebih Dahulu Daripada Mengambil Manfaat

Kaedah yang dijalankan oleh hukum syarak Islam di dalam perkara mengenai maslahat dan manfaat

sesuatu barang atau sesuatu perkara adalah mesti lebih dahulu memandang dan menjauhkan bencana-bencana daripada

mengambil maslahat. “Menjauhkan mudarat hendaklah diutamakan lebih dahulu daripada mengambil manfaat” – begitulah

kata ulama memperingatkan bagi seseorang di dalam menghadapi hukum Islam.

Tuan Haji Sanusi Mahmud, Hakim Mahkamah Syariah Singapura, di dalam ceramah televisyennya di dalam bulan Februari yang lalu mengenai Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1965 yang sekarang terletak di dalam Jawatankuasa Kecil (*Select Committee*) yang meminta fikiran umum umat Islam bagi “menambah mana-mana yang kurang, mengetatkan mana-mana yang longgar dan membetulkan jika ada yang silap”), telah menyatakan perkara-perkara yang dipandangnya baik kepada umat Islam terutamanya mengenai pungutan zakat, kawalan atas harta wakaf, mengadakan Baitulmal yang kemudiannya akan membayai masjid-masjid dan madrasah-madrasah, mahkamah akan mendapat kuasa-kuasa yang lebih supaya tinggi tarafnya dan beberapa perkara yang indah-indah bunyinya. Tetapi di sana, di dalam ucapan-ucapan itu, sepanjang yang difaham, tidak ada menyebut apa-apa keburukan dan mudarat yang mungkin timbul dengan adanya undang-undang itu kalau tidak “ditambah mana-mana yang kurang, diketatkan mana-mana yang longgar dan dibetulkan mana-mana yang silap.”

Dengan cara yang demikian ini, daripada yang dapat difaham dari ucapan beliau, bolehlah dipandang seolah-olah beliau berpendapat bahawa rang undang-undang itu telah sempurna – tidak berhajat kepada tambahan, tidak berhajat kepada pembetulan bahkan mungkin dipandang tidak ada silapnya. Bukan itu sahaja, sepanjang yang diketahui, ada pula

di dalamnya mengandungi tuduhan-tuduhan yang rang undang-undang itu terhenti selama 5 tahun disebabkan anasir-anasir tertentu yang tidak menghendaki undang-undang itu dan memperkatakan pula suatu perkara dengan tidak ada penyiasatan yang sempurna mengenai “surau” di Hay Street yang dikatakan boleh difaham daripada perkataan beliau: “Wakaf surau itu telah dijual oleh ahli waris” iaitu suatu tuduhan yang berat yang sepanjang peperiksaan dan pengetahuan tempat yang dikatakan surau itu bukan wakaf tetapi tempat itu adalah permulaannya dibenarkan untuk orang sembahyang seperti juga yang ada di mana-mana tempat di dalam bandar yang jauh dari masjid seperti di atas kedai gunting dan kedai kain di Muar – dijadikan tempat tumpuan orang sembahyang – ia bukan harta wakaf.

Sepanjang yang kita ketahui bahawa “surau” itu dipunyai oleh keluarga Aljunied. Pada mulanya tempat itu ada berbilik-bilik yang dijadikan oleh al-Sayyid Omar Aljunied yang berumah di belakang daripada tempat itu untuk tempat tumpangan keluarga-keluarganya yang datang dan di tempat itulah mereka sembahyang dan seumpamanya. Jadi dengan kerana kebiasaan tempat sembahyang dipandang orang sebagai surau tetapi sebenarnya tidak ada wakaf baginya. Sama juga seperti sebuah tempat sembahyang yang seakan-akan surau yang dibuat oleh Almarhum al-Sayyid Abdul Rahman Aljunied di hadapan

rumahnya bagi tempat orang lalu-lalang kerana sembahyang di Moulmein Road. Banyak lagi contoh-contohnya demikian ini. Yang demikian ini tentu akan menimbulkan pertanyaan – mengapa seorang yang memegang jawatan menjadi Hakim Mahkamah Syariah tidak usul periksa dalam soal yang semacam ini?

Patut orang ramai mengetahui bahawa Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam mulanya dikemukakan pada penghujung tahun 1960 di dalam Dewan Undangan Singapura. Rang undang-undang itu “gubalannya” disiapkan oleh Majlis Penasihat Islam Kerajaan Singapura. Cara mengemukakan gubalan itu di dalam Majlis Penasihat Islam, sepanjang yang diketahui, pada mulanya “main tutup ibu”. Ahli-ahli Majlis Penasihat Islam, terutamanya alim ulamanya tidak senang dan jauh sekali daripada berpuas hati dengan rang undang-undang yang dikemukakan kepada Dewan Undangan pada masa itu. Kerana itu apabila mesyuarat membantah rang undang-undang itu diadakan pada 15 April 1961 dengan anjuran PAS Singapura yang dipengerusikan oleh Almarhum Kiyai Muhammad Fadhlullah Suhaimi yang dihadiri juga oleh ulama-ulama yang menjadi juga ahli Majlis Penasihat Islam menyertai keputusan persidangan itu yang menuntut supaya rang undang-undang itu ditarik semula untuk disemak – bukan membantah rang undang-undang itu.

Mengapa menyemak semula itu memakan masa sehingga lima tahun – bukan soal orang ramai – soal kerajaan. Apa ada di sebalik melambatkan lima tahun itu juga menjadi pertanyaan kepada orang ramai. Mengapa pula kelambatan dan tidak terlancarnya undang-undang itu disalahkan kepada orang-orang yang mengadakan majlis menuntut menarik semula oleh Tuan Haji Sanusi? Adakah pada pandangan beliau itulah yang sebaik-baiknya dan tidak ada di dalamnya perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syarak. Adakah dikehendaki oleh beliau dengan menerima bulat-bulat



Jalālah al-Malik Faisal, Raja bagi ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah tatkala menyambut ketibaan Amir Kuwait, (Raja bagi Kuwait).

Al-Shaykh Sabah bin al-Salim al-Sabah di lapangan terbang Riyadh dalam bulan Februari yang lalu.

undang-undang itu ‘aks’ daripada kebaikan yang akan didapati oleh masjid-masjid dan sekolah-sekolah yang disebut-sebutnya yang sebagai gula-gula itu masjid-masjid itu menjadi alat politik – khutbahnya ditentukan dan dibina oleh kerajaan mengikut lunas-lunasnya serta sukanan pelajaran di sekolah-sekolah, pertadbiran pelajaran di sekolah-sekolah dikuasai dan kalau guru-guru mengajar selain daripada dasar-dasar yang dialirkan oleh Kementerian Pelajaran akan berhak dipecat dan pelajaran agama hanya tinggal pada sembahyang dan peribadatan sahaja; barangkali dalam kerajaan yang memerintah sekarang masih memerhatikan dan memelihara hal ehwal orang Islam tetapi kalau berubah kerajaan – bagaimana? Beliau mungkin lupa bahawa negara Singapura, agama rasminya bukan agama Islam dan mungkin melihat gelagat-gelagatnya dengan sebab-sebab anjuran begitu orang ramai terasa dan

¹ Bermaksud berlawanan.

takut “perasaan keagamaan” akan dicemburui dan tidak digemari dan mungkin sepanjang yang dapat difaham dan kita sedari bahawasanya kalau umat Islam tidak berhati-hati dari sekarang mereka boleh menjadikan sebab memandang langkah-langkah itu “penindasan” terhadap agama dengan cara yang halus. Adakah ini tidak terfikir oleh Tuan Haji Sanusi?

Kita di sini tidak mahu membangkit dan mengulas perkara-perkara yang telah lalu dan sudah berjalan. Berkali-kali timbul perasaan umat Islam tidak puas hati terhadap amalan-amalan yang dijalankan di dalam perkara nikah, kahwin dan cerai terutamanya di dalam masa Mahkamah Syariah berkuasa menghukum sebagai Majistret iaitu boleh menghukum denda \$500.00 dan enam bulan penjara. Orang ramai tentu tertanya mengapa kuasa menghukum itu itu² ditarik balik dan ditiadakan daripada Mahkamah Syariah?

Tanda tanya ini menjadi tanda tanya kepada orang ramai tetapi mungkin pula persoalannya diketahui oleh umum. Pendapat Tuan Haji Sanusi atas Rang Undang-undang Mahkamah Syariah yang ada di dalam *Select Committee* itu tentunya, sepanjang sangkaan kita, boleh jadi “diarahkan” kerana mungkin pada sangkaan yang mengarahkannya bahawa beliau akan dapat mempengaruhi umat Islam supaya yakin dan percaya akan kebaikan-kebaikan yang disebut beliau dengan adanya Rang Undang-undang 1965 itu.

Sekarang patut diketahui bahawa rang undang-undang itu sedang diselidik, dikaji dan dihalusi oleh badan-badan Islam dan mungkin, dan sangat diharap, badan-badan Islam itu akan bersatu menyuarakan suaranya di dalam sebuah memorandum untuk disampaikan kepada *Select Committee* (kerajaan) akan jenis pertadbiran yang dikehendaki dan dihajat oleh umat Islam bagi

pertadbiran hukum Islam yang mengenai mereka. Jika sekiranya, kerana memandang ini kehendak umat Islam yang bakal terkena di dalam keseluruhan undang-undang itu, maka telah wajar bagi kerajaan menerima pindaan itu sepenuhnya kelak. Sekiranya kerajaan sepanjang yang terbayang di dalam fikiran kita, menolak dan menguatkuaskan sesuatu barang yang tidak dikehendaki oleh mereka maka yang demikian mungkin mendatangkan bantahan-bantahan yang hebat dari umat Islam apalagi perkara itu jika menyentuh dasar syarak Islam. Pandangan ini sepatutnya kerajaan memerhatikannya sungguhpun ia bukan terbit daripada madu yang lazat cita rasa dan mungkin barangkali ada di belakangnya sesuatu sebagai sifat khidmat atau seumpamanya – *wallāhu a'lam*.

Alat Pengawal Bahagian Tempat Duduk Pemandu Teksi

Di Jerman Barat sedang dirancangkan untuk di masa ke hadapan ini pembikinan kereta teksi di mana kerusi pemandu-pemandunya dipisahkan dari kerusi penumpang-penumpang yang duduk di belakangnya dengan sebuah dinding daripada cermin yang tidak dapat ditembusi oleh peluru. Gunanya untuk mengawal keselamatan para pemandu teksi itu dari tindakan penjahat-penjahat yang hendak mencelakakannya semasa mereka duduk bersama-sama menumpang di belakang keretanya. Rancangan ini mungkin dilaksanakan tahun ini. Dan di samping itu kereta-kereta teksi akan dilengkapkan dengan pesawat-pesawat yang membolehkan pemandunya menutup semua pintu-pintu kereta dari tempat duduknya dengan cara automatik dan juga dilengkapkan alat yang boleh memberi amaran akan adanya sebarang bahaya oleh kerana keselamatan pemandu-pemandu teksi di masa yang akhir-akhir ini sangat terancam berikutan dengan kerapnya keganasan penjahat-penjahat terhadap kepada mereka, yang menyebabkan di Jerman Barat merancangkan kawalan-kawalan yang seperti itu.

² Perkataan ‘itu’ diulang dalam teks asal.